

# Kisah PM tersepak batu di Itali

UM 31/10/2003 - 7 PRECISE

Oleh SAHBULAH DARWI DAN HELMI FOAD

SETIAP kali apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menghadiri sesuatu majlis atau acara, kita pasti akan melihat beberapa wajah yang sentiasa sahaja berada di sisinya.

Mereka ini memainkan peranan yang cukup penting bagi memastikan keselamatan Perdana Menteri terutamanya ketika berada di khalayak ramai.

Itulah pengawal peribadi Dr. Mahathir yang sudah bersama-sama dengan beliau sejak 21 tahun lalu.

Dalam pertemuan dengan *Utusan Malaysia*, dua pengawal peribadi Perdana Menteri, **Ismail Manaf** dan **Adnan Abdul Hamid** memaparkan pengalaman masing-masing sepanjang berkhidmat dengan Dr. Mahathir.

Apa yang menarik, mereka mempunyai perasaan yang cukup mendalam terhadap Dr. Mahathir sehinggakan apabila negarawan itu bersara hari ini mereka juga akan menamatkan perkhidmatan dalam pasukan polis.

Bagi Ismail, beliau tidak akan melupakan peristiwa yang berlaku di Itali, pada pertengahan tahun 1980-an yang kesudahannya mengubah wajah ibu negara.

Ia bermula dengan suatu kejadian ketika Dr. Mahathir berjoging di salah sebuah bandar di negara itu.

Ismail, 57, berkata, ketika berlari-lari anak tiba-tiba Dr. Mahathir tersepak seketul batu.

Akibatnya, batu tersebut yang tersembul berbonjol di permukaan jalan sebelum ini, terkeluar dan terpelanting beberapa meter daripada tempat asalnya.

Ismail berkata, Dr. Mahathir yang tidak terjatuh disebabkan kejadian itu sebaliknya memerhatikan dengan penuh minat terhadap objek yang disepakinya.

Objek itu kelihatan mengasyikkan Perdana Menteri lalu beliau berhenti sejenak sambil kelihatan berfikir sesuatu.

Ismail yang berada di sisi beliau, tiba-tiba ditanya Perdana Menteri: "Batu ini boleh bawa balik (ke Malaysia) tak?"

Ismail kemudian membawa batu tersebut ke bilik hotel tempat dia menginap, lalu dibasuh dengan bersih dan dibungkus dengan teliti untuk dibawa pulang ke tanah air.

Kata Ismail, Perdana Menteri tidak menyatakan apakah yang beliau mahu lakukan dengan batu itu dan Ismail juga tidak bertanya.

Beberapa minggu setelah pulang ke tanah air Dr. Mahathir memanggil Ismail dan bertanya tentang batu tersebut.

Ismail yang sebelum itu hampir terlupa mengenai batu berkenaan terus tersentak lalu dengan pantas menjawab: "Ada Datuk."

Wajah Dr. Mahathir kelihatan begitu ceria dengan jawapan yang diberikan lalu meminta agar batu tersebut diserahkan kepada beliau.

Ismail berkata, rupanya Perdana Menteri mahu Datuk Bandar Kuala Lumpur ketika itu, Tan Sri Elyas Omar melihat batu berkenaan agar lorong dan jalan bagi pejalan kaki di ibu negara diturap menggunakan batu yang serupa.

"Begitulah negarawan, walaupun sedang berjoging tetapi fikirannya asyik fikir sesuatu untuk kebaikan negara, sehinggakan lihat batu pun dapat idea untuk faedah negara," kata Ismail.

Ismail yang juga bapa kepada enam orang anak berkata, terlalu banyak perkara manis yang terjadi di sepanjang beliau berkhidmat dengan pemimpin ulung itu sejak tahun 1978 iaitu ketika itu Dr. Mahathir adalah Timbalan Perdana Menteri.

## Sup suhun

Antara yang manis, katanya, Dr. Mahathir begitu gemarkan masakan sup suhun yang Ismail masak ketika berada di luar negara.

Ismail yang kegemarannya memasak berkata, beliau akan membawa peralatan dan bahan masakan untuk dimasak setiap kali beliau mengikuti rombongan Perdana Menteri ke luar negara.

"Kalau di luar negara akan saya masak sendiri untuk diri sendiri dan kawan-kawan lain, tak perlu makan makanan luar.

"Tetapi Perdana Menteri tidak ketinggalan mahu juga merasa masakan saya dan beliau begitu gemarkan sup suhun saya,"



ISMAIL MANAF



ADNAN ABDUL HAMID

ujarnya sambil tersenyum.

Keadaan itu menyebabkan Ismail memastikan segala perkakas dan bahan-bahan masakan disediakan dengan cukup sebelum bertolak ke luar negara.

Ismail berkata, walaupun Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin tertinggi negara tetapi beliau juga adalah insan yang rendah diri.

"Pernah sewaktu saya dan beberapa orang lain berada dalam bot bersama Perdana Menteri di Langkawi.

"Ketika itu angin bertiup kuat sehingga rambut kami semua berselerak ditiup angin," kata Ismail.

Katanya, selepas tiupan angin terhenti Dr. Mahathir bertanya sama ada Ismail mempunyai sikat rambut bagi membetulkan kerapian rambutnya.

Ismail yang duduk bersebelahan dengan Perdana Menteri dengan pantas mengeluarkan dan menghulurkan sikatnya kepada Dr. Mahathir.

"Yang melucukan ketika itu ialah sikat saya rompong dan rongak kerana dah agak lama," katanya.

Dr. Mahathir sambil tersenyum berkata: "Kenapa hang punya sikat macam ni."

Kata-kata itu, diikuti dengan deraihan ketawa maka riuhlah semua yang ada dalam bot tersebut, kata Ismail.

"Tapi Perdana Menteri tak kisah dengan keadaan sikat itu lalu terus menggunakannya juga," katanya.

Tanpa diiringi oleh anggota trafik,

pegawai-pegawai kerajaan hatta Datuk Bandar Kuala Lumpur sekali pun, Dr. Mahathir melakukan aktiviti 'turun ke bumi' secara tidak rasmi untuk melihat dan meninjau keadaan Kuala Lumpur.

"Jangan main-main, Dr. Mahathir tahu selok-belok jalan-jalan di Kuala Lumpur, dan ketika membuat tinjauan satu benda yang beliau tidak lupa membawanya - iaitu buku catatannya.

"Dr. Mahathir akan mencatatkan apa sahaja yang dirasakan penting," kata Adnan, 45, yang ditugaskan memberikan kawalan kepada Dr. Mahathir ketika beliau melakukan pemanduan sendiri.

Adnan menyatakan, melalui cara itu Dr. Mahathir dapat mengetahui dengan lebih mendalam keadaan di Kuala Lumpur tanpa mengharapkan sepenuhnya kepada laporan pegawai-pegawai kerajaan semata-mata.

## Protokol

Anak kelahiran Pengkalan Chepa, Kelantan itu mula bertugas dengan Dr. Mahathir sejak 1978 sebagai *guard staff* ketika Dr. Mahathir memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Kemudian apabila Dr. Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri pada 1981, Adnan telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri sehinggalah kini.

Jelas Adnan, apa yang menarik adalah mengawal Dr. Mahathir semasa beliau meluangkan masa untuk membeli-belah kebiasaannya pada hujung minggu.

Ketika itu katanya, Dr. Mahathir dapat merasakan sendiri kehidupan rakyat dan mengambil peluang bermesra dengan mereka tanpa melibatkan sebarang protokol yang ketat.

Ini termasuk beliau dapat merasa sendiri keadaan rakyat yang terpaksa bergelap apabila bekalan elektrik di lima buah negeri di utara terputus pada 1 September lalu.

Malah Dr. Mahathir dengan dibantu pengawal peribadinya, Ismail Manaf, menggunakan lampu suluh bagi memilih kain

pelikat apabila bekalan elektrik tiba-tiba terputus semasa membeli-belah di Bazar Beras Terbakar di Padang Mat Sirat, Pulau Langkawi.

"Ketika Dr. Mahathir membeli-belah pada hujung minggu, beliau akan dikerumuni oleh rakyat jelata dan mereka tidak melepaskan peluang untuk bersalamannya dengannya," ujar Adnan.

Seawal pagi lagi, Adnan dan rakan-rakannya dengan ketua oleh Datuk Muhammad Ali sudah bersiap sedia satu jam lebih awal sebelum Dr. Mahathir bergegas ke majlis rasminya.

Apa yang tidak dilupakan oleh Adnan secara peribadi ialah nasihat Dr. Mahathir kepadanya agar tidak putus asa untuk mencuba.

Ini termasuk apabila sebanyak dua kali ditawarkan kenaikan pangkat sebagai Sarjan tetapi dia menolak dengan alasan sebagai masih belum bersedia.

Tetapi jelas Adnan, Dr. Mahathir memintanya agar mencuba dan tidak mudah mengalah hingga membuatkan akhirnya dia menerima tawaran tersebut.

Malah satu perkara yang benar-benar memberikan kesan kepadanya apabila dia dan rakan sejawatnya dianugerahkan pingat 'Bentara Pasukan Polis' pada Julai lalu yang disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Katanya, ia adalah kali pertama pingat sedemikian diberikan kepada mereka yang berkhidmat dengan Perdana Menteri.

"Saya rasa bertuah kerana terpilih dan ia merupakan satu penghargaan kepada saya selama berkhidmat dengan Perdana Menteri," katanya.

Ke mana selepas ini? Adnan ternyata tidak dapat menyembunyikan rasa sayunya apabila soalan itu diajukan kepadanya.

Sebagai anggota polis, Adnan hanya menunggu arahan ketuanya. Ke mana sahaja dia diarahkan berkhidmat, Adnan akan patuh.

"Namun kami dah bincang, bahawa selepas ini kami pun nak bersara, lagipun sudah cukup syarat tempoh perkhidmatan 21 tahun yang membolehkan kami bersara secara pilihan.

"Tetapi biarpun Dr. Mahathir sudah bersara kami tidak akan melupakannya malah kami secara sukarela akan terus menjaganya secara bergilir-gilir," katanya.